

03 OCT 1999

Mahathir-WTO

NEGARA MEMBANGUN PERLU BERSATU DALAM SIDANG WTO, KATA MAHATHIR

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE), 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini berkata negara-negara membangun mesti bersatu semasa persidangan Pertubuhan Peradangan Antarabangsa (WTO) di Seattle Nov depan bagi menghalang mereka daripada dipermainkan oleh negara-negara maju.

Beliau berkata banyak negara membangun sependapat dengan Malaysia dalam beberapa perkara tetapi Malaysia seorang tidak boleh mempertahankan hak negara-negara membangun.

"Dalam WTO, jika negara membangun mempunyai pendirian yang sama, saya rasa kita boleh melakukannya," beliau memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan beliau ke sini untuk menghadiri Dailog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 99), yang dibuka dengan rasmi malam ini.

Beliau ditanya bagaimana negara-negara membangun boleh mempertahankan kedudukan mereka ke atas negara-negara maju yang lebih kuat di Utara.

Dr Mahathir berkata masalahnya ialah sesetengah negara-negara membangun menghadapi tekanan kuat daripada pelbagai pihak.

"Mereka tidak boleh bersatu menentang sebarang cadangan yang dibuat oleh negara Utara. Jadi, di persidangan WTO di Seattle, peluangnya ialah dasar-dasar negara-negara Utara mungkin akan ditolak oleh semua pihak kerana negara-negara maju berpecah," kata beliau.

Berikutan dengan itu, Dr Mahathir dan beberapa pemimpin negara Afrika mengambil masa satu jam setengah ersarapan menaiki bot di Sungai Zambezi, yang terletak tidak jauh dari Hotel Inter-continental, di Bukit Gajah, tempat persidangan tiga hari itu diadakan.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai pengumuman baru-baru ini oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk melupuskan hutang negara-negara yang banyak berhutang.

Untuk ini, beliau berkata: "Pertamanya, saya tidak faham perniagaan menghapuskan hutang ini. Jika anda menghapuskan hutang, ia bermakna tidak ada hutang lagi. Tetapi sebelum menghapuskan, mereka berkata anda kena menjual emas IMF."

Beliau berkata apabila idea menjual emas itu ditimbulkan, harga komoditi ini terus turun menyebabkan, lombong emas ditutup dan ramai orang kehilangan kerja.

"Saya tidak nampak mereka perlu menjual emas mereka. Jika mahu menjualnya juga, mereka boleh berbuat demikian pada masa lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau sentiasa percaya negara membangun sepatutnya dibenarkan mempunyai sekatan tarif sehingga mereka mempunyai kapisiti untuk bersaing dengan negara maju.

"Tetapi IMF yang memberi pinjaman kepada beberapa negara ini mahu mereka membuka pasaran mereka dan menurunkan tarif, dan ini bermakna mereka tidak akan mendapat perolehan, dan produk mereka tidak boleh bersaing," kata beliau.

Mengenai penyisihan anggota Asean daripada G20 yang ditubuhkan untuk membincangkan isu ekonomi dunia, beliau berkata ini bermakna pandangan daripada negara-negara seperti Malaysia yang dilanda krisis ekonomi yang teruk, mereka tidak mahu dengar.

"Bagi mereka ini demokrasi. Kita mesti ada demokrasi di negara kita, yang tentunya termasuk hak untuk mengadakan rusuhan, membakar kediaman dan semua itu.

"Tetapi demokrasi secara antarabangsa bermakna hanya yang kaya dan kuat boleh membuat keputusan, yang miskin dan lemah, hanya boleh menerima apa yang diputuskan," kata beliau.

G-20 adalah gabungan tujuh negara kaya dalam G-7, 11 negara pasaran ekonomi yang baru dan Bank Dunia/IMF.

Negara-negara pasaran ekonomi yang baru itu termasuk Argentina, Australia, Brazil, China, India, Mexico, Rusia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan dan Turki.

Mengenai masalah yang dialami oleh projek-projek yang dimulakan oleh negara-negara Selatan termasuk gangguan luar, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai masalah yang sama mengenai penglibatan yang dicadangkan di Tanzania dan Zimbabwe.

Beliau berkata projek di Zimbabwe ialah stesen janaelektrik membabitkan Kumpulan YTL disebabkan Bank Dunia mempunyai inisiatif sendiri.

"Walaupun projek dia tu tak mungkin dilancarkan, tapi dia nampak menyekat pertumbuhan pelaburan orang lain," katanya.

Ditanya apakah yang boleh dilakukan Malaysia untuk mengatasi masalah itu, beliau berkata: "Kita cuba secara pujuk rayulah, apa lagi kita nak buat."

Mengenai perjumpaan tidak formal malam tadi antara ketua-ketua kerajaan dan negara yang menghadiri SAID 99, beliau memberikan penjelasan mengenai konsep perkongsian bestari setelah diminta berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata beliau juga memberikan pandangan bagaimana sumber-sumber semulajadi di selatan Afrika boleh dimanfaatkan termasuk di bidang pelancongan.

Dr Mahathir adalah pemimpin dari luar Afrika yang berada di sini.

Beliau dijadual menyampaikan ucapan bertajuk "Dari Langkawi ke Victoria Falls- Cara Persahabatan Yang Bijak" di majlis makan malam esok.

Presiden Robert Mugabe akan merasmikan dailog tiga hari itu malam ini.

Edisi pertama SAID diadakan di Botswana diikuti di Namibia tahun lepas.

Lain-lain pemimpin Afrika yang mengahadiridailog ini di sini ialah Presiden Jerry Rawlings dari Ghana, Presiden Bakili Muluzi dari Malawi, Presiden Festus G.Mogae dari Botswana, Perdana Menteri Lesotho Bethuel Pakilitha Mosisili, Presiden Joaquim Alberto Chissano dari Mozambique, Presiden Thabo Mbeki dari Afrika Selatan dan Presiden Frederick J.T Chiluba dari Zambia.

-- BERNAMA

MAM zb